




SURAT KHABAR	:	KOSMO
TARIKH	:	21/5/2021
JABATAN	:	KeTSA / FRIM / JMG / PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN



KHAIRULNIZAM

Keindahan flora, fauna tarik aktiviti pelancongan

MALAYSIA merupakan negara megadiversiti yang kaya dengan pelbagai spesies flora dan fauna, sejarah, kebudayaan serta pelbagai produk tempatan sebagai pakej lengkap kepada ekopelancongan.

Justeru, perkara tersebut tidak harus disia-siakan dan perlu digunakan sebaik mungkin dengan mengetengahkan pelbagai produk ekopelancongan, sekali gus boleh menambah pendapatan penduduk setempat serta negara.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) merangka beberapa program untuk memperkasakan aktiviti ekopelancongan terutama di bawah sejian jabatan-jabatannya seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara serta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Menurut Setiausaha Bahagian Perancangan Strategi dan Antarabangsa KeTSA, Khairulnizam Hashim, pihaknya memandang serius potensi ekopelancongan negara dan pelbagai usaha akan dilakukan dari semasa ke semasa ke arah mencapai matlamat itu.

“Buat julung-julung kalinya, kami melaksanakan program Eksplorasi Ekopelancongan KeTSA Bersama Media ke negeri Perak baru-baru ini yang merupakan inisiatif penting untuk mengetengahkan Lenggong Geopark sebagai geopark kebangsaan kedua di negeri tersebut.

“Kehadiran rakan-rakan media diharap dapat menyebar luas maklumat mengenai produk ekopelancongan di sini agar lebih ramai orang datang berkunjung dan menikmati keindahan alam,” katanya kepada K2 baru-baru ini.

Tambahnya, walaupun aktiviti ekopelancongan rancak dijalankan, tetapi pembangunan tersebut perlu lestari dan terkawal dengan mengekalkan sumber semula jadinya.

Jelasnya, aktiviti ekopelancongan itu akan melibatkan komuniti setempat yang mana turut membuka peluang pekerjaan kepada mereka.